

Smart tidak dibuka kerana faktor cuaca

KUALA LUMPUR: Lebuhraya Smart tidak boleh dibuka kepada lalu lintas dengan segera selepas banjir kilat melanda Lembah Klang, Rabu lalu sebagai langkah berjaga-jaga berikutan faktor cuaca yang tidak menentu, kata Ketua Pegawai Operasi Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong

Sdn Bhd, Mohd Fuad Kamal Ariffin.

Beliau berkata, sebanyak tiga juta meter padu air dicatat memenuhi kedua-dua ruang terowong Smart semasa kejadian banjir itu, dan pihaknya mengambil masa enam jam untuk mengeringkan terowong tersebut.

Bagaimanapun, Mohd Fuad berkata Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) tidak membenarkan terowong dibuka sejurus proses pengaliran air selesai kerana faktor cuaca yang masih menunjukkan tanda-tanda hujan akan berterusan.

"JPS mengambil tindakan sedemikian demi keselamatan

pengguna terowong Smart dan pihak kami terpaksa mengambil masa sehingga empat hari untuk proses pembersihan dan penyelenggaraan tersebut dengan lebih terperinci," katanya kepada Bernama semalam.

Ia dibuka sepenuhnya kepada lalu lintas sejak 2 pagi tadi. - Bernama